

01 MAR 2004

Abdullah-Pegawai

PEGAWAI KERAJAAN ASET PENENTU NEGARA TERUS MAJU, KATA ABDULLAH

ALOR STAR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata pegawai-pegawai kerajaan adalah aset utama dalam memastikan negara terus maju dan mencapai kejayaan dalam melaksanakan segala dasar dan wawasannya.

Beliau berkata walaupun negara mempunyai kelengkapan dan peralatan yang canggih, semua itu tidak akan bermakna jika ia tidak digunakan sepenuhnya untuk terus membangunkan negara ini.

"Saya tidak mahu kita ada infrastruktur kelas pertama tetapi mempunyai mentaliti kelas ketiga," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan dengan pegawai kerajaan negeri dan persekutuan di sini hari ini.

Beliau berkata segala dasar yang elok tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan jika faktor manusia yang ada dalam sistem itu tidak bagus dan tidak berubah selaras dengan kemudahan yang ada.

"Satu perubahan pada minda, sikap dan cara bekerja perlu ada agar kita mencapai kecemerlangan seterusnya menjadi gemilang dan terbilang," katanya.

Abdullah berkata tugas utama yang dilaksanakannya selepas mengambil alih kepimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad ialah mengurus kejayaan yang diterima itu dengan baik bagi memastikan ia terus diwarisi dan negara mencapai wawasannya.

Katanya walaupun menjawat kedudukan tertinggi dalam kerajaan, sebagai seorang yang ingin bekerja, beliau juga mesti menjadi salah satu daripada anggota dalam pasukan itu dan bukan hanya melaung memberikan arahan dari luar.

"Saya juga mesti jadi team player...penat, letih, berpeluh tapi tetap bersama dalam pasukan itu bagi memastikan kejayaan dapat dicapai," katanya.

Beliau berkata falsafah yang digunakannya adalah mudah untuk diterima

oleh semua iaitu pemimpin yang dipilih oleh rakyat mesti bekerja bersama-sama dengan rakyat, dan rakyat juga sebaliknya perlu memberikan kerjasama kepada kerajaan.

Beliau berkata walaupun pendekatan yang digunakannya berbeza sedikit dengan Dr Mahathir, matlamatnya adalah sama iaitu memikul tanggungjawab untuk menguruskan negara agar mencapai kejayaan yang cemerlang.

"Saya tak boleh urus macam Dr Mahathir urus. Bagaimanapun dasar-dasar mesti diteruskan dan dasar 2020 mesti dicapai," katanya.

Abdullah berkata sebagai sebuah negara Islam, menjadi kewajipan pemimpin Islam untuk bersikap adil dengan semua kaum tanpa mengira agama mereka dalam membuat sesuatu keputusan.

"Saya Perdana Menteri untuk rakyat Malaysia, semua orang ada hak. Kita kena bersikap adil dengan semua," katanya.

-- BERNAMA

SN MAN MAI